



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**23 Mac 2023
01 Ramadan 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• Ikan mati, penduduk hairan air saliran hitam • Ternakan ikan patin sangkar kritikal
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Dua bot nelayan asing dimusnahkan
The Star	• The battle to save river dolphins
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	32	23.3.2023

Ikan mati, penduduk hairan air saluran hitam

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamula.com.my

PADANG TERAP: Penemuan bangkai ikan yang terapung di permukaan sebatang saluran menimbulkan tanda tanya kepada penduduk Kampung Tandop, Kampung Barokhas dan kawasan sekitar di Kuala Nerang, di sini apabila air bertukar warna hitam serta berbau busuk.

Malah, kesan seperti minyak turut kelihatan di permukaan saluran tersebut sejak beberapa hari lalu yang secara tidak langsung menggusarkan penduduk terhadap kemungkinan berlaku pencemaran bahan berbahaya yang boleh menjejaskan kesihatan mereka.

Seorang penduduk, Dahirah Lateh, 66, berkata, bukan sahaja ikan ditemukan mati, bahkan lembu peliharaannya enggan minum air di saluran tersebut walaupun dibawa ke tempat yang lebih jernih.

Katanya, penduduk mula menyedari perkara itu selepas mereka mahu memancing ikan yang kemudian didapati bau amat busuk datang dari arah saluran berkenaan.

"Di saluran ini ramai yang datang memancing setiap hari tetapi sejak kejadian tersebut, mereka bimbang apatah lagi melihat banyak ikan mati ekoran air yang berwarna hitam dan pekat seperti minyak.

"Kami bimbang sekiranya berlaku aktiviti tertentu di kawasan sepanjang saluran ini yang mungkin boleh membahayakan nyawa penduduk jika tindakan tidak diambil kerana secara tiba-tiba sahaja air berwarna hitam dan busuk," katanya ketika ditemui, semalam.

Sementara itu, Mariam Kadir, 72, mendakwa, kejadian sama pernah berlaku pada tahun lalu, namun tidak sehingga menjejaskan hidupan di saluran terbabit.

"Kalau kita berdiri di tebing saluran ini memang bau busuk

boleh dihidu, kami risau kerana ramai penduduk yang tinggal di sepanjang saluran yang bersambungan dengan Sungai Pedu di Kampung Jelutong.

"Kami tidak mahu mengesyaki apa-apa perkara tanpa usul periksa pihak berwajib seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), jadi harap pihak berkenaan turun dan mengambil tindakan susulan agar kami dapat hidup tenteram dan tidak bimbang lagi," katanya.

Dalam pada itu, Mohd. Nazli Mokhtar, 53, berkata, kejadian tersebut mungkin berlaku sepanjang masa, namun tidak seteruk musim kemarau ketika ini yang menyebabkan air di saluran berkenaan cetek.

"Kalau diikutkan saluran ini airnya paras pinggang dan arus bergerak dengan baik. Jadi pada musim panas ini apabila air tersekat menyebabkan pencemaran tersebut turut melekat di permukaan air dan tebing-tebingnya," katanya.



PENDUDUK menunjukkan saluran yang tercemar menjadi warna hitam dan berbau busuk sehingga mengakibatkan kematian pelbagai jenis ikan di Kampung Barokhas, Kuala Nerang di Padang Terap, Kedah. —UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			33	23.3.2023

Ternakan ikan patin sangkar kritikal

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@mediamula.com.my

JERANTUT: Bekalan ikan patin sangkar yang berkurangan hampir 80 peratus dan berdepan krisis kritikal ketika ini boleh menyebabkan harganya melambung RM30 sekilogram terutama pada Ramadan ini.

Ketika ini, harga patin sangkar antara RM22 ke RM24 sekilogram berbanding RM18 ke RM20 sebelum ini.

Tiga faktor utama mempengaruhi kekurangan bekalan sumber protein tersebut ialah harga makanan ikan mahal, kekurangan benih dan kadar kematian tinggi sehingga lebih 70 peratus setiap satu sangkar.

Disebabkan krisis itu, bekalan ikan patin sangkar dijangka hanya mampu bertahan sehingga dua minggu Ramadan sekali gus menjejaskan sumber pendapatan pengusaha.

Bercakap kepada *Utusan Ma-*



PENGUSAHA ikan patin sangkar, Fazirul Mohd. Aspa menunjukkan sangkar ikan yang kosong dan terpaksa diangkat di Kampung Jerantut Feri, Jerantut, Pahang. - **UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD**

laysia, pengusaha dan peruncit ikan sangkar Kampung Jerantut Feri, Azman Zainuddin, 52, berkata, daripada 37 pengusaha

ikan sangkar di kampung itu, hanya lapan orang aktif membatik lebih 200 sangkar.

"Pengusaha lain membabit-

kan lebih 600 sangkar sudah pun mengangkat sangkar gus hilang punca pendapatan. Saya lihat punca utama adalah ma-

kanan ikan yang terlalu mahal daripada RM60 sebelum ini, kini RM84 satu beg 20 kilogram.

"Seorang pengusaha biasanya ada dalam 25 sangkar seorang. Satu sangkar 100 beg makanan. Ini yang jadi masalah sangkar terangkat sebab harga makanan mahal, hendak tambah sangkar memang tak mampu.

"Kehidupan kami kini ibarat telur di hujung tanduk. Di Temerloh saya difahamkan, ada pengusaha yang terpaksa menjual sangkar kerana tidak mampu menanggung kerugian," katanya di sini semalam.

Azman berkata, isu kedua kekurangan benih ikan yang lebih setahun berlarutan dan paling ketara dalam tempoh enam bulan lalu.

Berhubung isu kadar kematian ikan dalam sangkar, katanya, daripada 3,000 ekor benih ikan dilepaskan, peratusan hidup hanya membabitkan 800 ekor.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		26	23.03.2023

Dua bot nelayan asing dimusnahkan

Sinar ms26 23hb

KUALA TERENGGANU - Dua buah bot nelayan asing Vietnam telah dilupuskan secara hancur musnah oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu pada Rabu.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Mohd Khairulnuar Abd Majid berkata, pelupusan dibuat menggunakan jengkaut selepas mendapat perintah lucut hak dari mahkamah.

"Bot nelayan asing Vietnam tersebut sebelum ini ditahan kerana menceroboh perairan nega-

ra kerana menangkap ikan tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Tambahnya, pelupusan bot nelayan asing kali ini merupakan siri pertama yang diadakan agensi tersebut pada tahun ini.

"Kaedah hancur musnah dilaksanakan ke atas bot yang bersaiz di bawah 70 GRT (*gross registered tonnage*).

"Bagi bot yang lebih besar, pelupusan biasanya menggunakan kaedah ditenggelamkan di dasar lautan menjadi tukun," jelasnya.

FOTO: MARITIM MALAYSIA



Dua bot nelayan asing yang dilucut hak dimusnahkan menggunakan jengkaut pada Rabu.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	/	NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		16	23.3.2023

The battle to save river dolphins

Without help from regulators the shy creatures of Mekong face extinction

Cambodia BULGING grey heads break the turbid waters of the Mekong River in Cambodia as a pod of rare Irrawaddy dolphins surfaces to breathe, drawing excited murmurs from tourists watching from nearby boats.

The thrilling sight may soon be no more than a memory, as numbers of the endangered mammals dwindle despite efforts to preserve them.

Cambodia has announced tough new restrictions on fishing in the vast river to try and reduce the number of dolphins killed in nets.

But in a country with limited financial resources, it's a huge challenge to enforce the rules on a river hundreds of metres wide that is dotted with islets and lined with dense undergrowth.

"We fear we cannot protect



In need of protection:

A freshwater dolphin swimming in the Mekong River in Cambodia's Kratie province. — AFP

them," says river guard Phon Pharong during a patrol searching for illegal gillnets.

Gillnets — vertical mesh nets left in the water for long periods — trap fish indiscriminately and are the main cause of death for dolphins in the Mekong, according to conservationists.

Pharong is one of more than 70 guards who patrol a 120km stretch of the Mekong from northeastern Kratie province close to the Laos border.

The guards say their efforts are hampered by limited resources — and intimidation by fishing gangs.

Mok Ponlork, a fisheries depart-

ment official who leads the dolphin conservation guards in Kratie, has 44 people to monitor an 85km stretch but says to do the job effectively he would need at least 60.

Without the staffing, the guards know they are playing a losing game of cat and mouse with those fishing the river.

"If we patrol at night, they don't go. When we return at daytime, they go in the river," Pharong said.

Low wages mean guards are forced to take extra work onshore to support their families, taking them away from patrol duties.

Each guard receives about US\$65 (RM289) a month from the government, while WWF funds another US\$5 (RM22) for a day of patrolling.

Irrawaddy dolphins — small, shy creatures with domed foreheads and short beaks — once swam through much of the mighty

Mekong, all the way to the delta in Vietnam.

Illegal fishing and plastic waste have killed many, and the dolphins' habitat has been reduced by upstream dams and climate change, which have had a major impact on water levels in the river.

The population in the Mekong has dwindled from 200, when the first census was taken in 1997, to just 89 in 2020.

The species lives in only two other rivers: Myanmar's Ayeyarwady and the Mahakam in Indonesia, according to WWF.

The three river populations are listed as critically endangered on the IUCN red list of threatened species.

Adding to concerns about the Mekong dolphins' future, around 70% of the population is now too old to breed. — AFP